



## **SYARAT- SYARAT PENGESAHAN DALAM PERKHIDMATAN BAGI STAF AKADEMIK**

Mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan Universiti (JPU) Khas Bil.6/2024 bertarikh 29 Julai 2024 telah memperakukan Syarat-Syarat Pengesahan Dalam Perkhidmatan Bagi Staf Akademik seperti berikut:

1. Telah memenuhi tempoh percubaan selama satu (1) hingga tiga (3) tahun; **DAN**
2. Telah hadir dengan jayanya Program Transformasi Minda (PTM). Sekiranya telah hadir dengan jayanya PTM dalam skim perkhidmatan terdahulu, staf boleh mengemukakan Sijil PTM kepada Jabatan Sumber Manusia, untuk dipertimbangkan pengecualian; **DAN**
3. Telah hadir dengan jayanya Kursus Pensijilan Asas Pengajaran Dan Pembelajaran yang dianjurkan oleh Pusat Pengajaran Pembelajaran Universiti (UTLC), UUM; **DAN**
4. Telah mengemukakan hasil **penyelidikan\*** yang diperakukan oleh Jawatankuasa Penyelidikan di peringkat Pusat Pengajian seperti berikut:
  - i. dua (2) hasil penyelidikan dalam bidang secara berkumpulan; **ATAU**
  - ii. mengemukakan satu (1) hasil penyelidikan dalam bidang secara individu;

*\* Tidak termasuk lantikan Guru Bahasa / Katering*

5. Telah mengemukakan hasil **penerbitan\*** yang diperakukan oleh Jawatankuasa Penerbitan di peringkat Pusat Pengajian seperti berikut:
  - i. satu (1) hasil penerbitan dalam jurnal SCOPUS/ WOS yang diperakukan oleh Pusat Pengajian sebagai Penulis Utama; **ATAU**

- ii. satu (1) hasil penerbitan dalam jurnal SCOPUS/ WOS yang diperakukan oleh Pusat Pengajian sebagai Penulis Kedua sekiranya penerbitan bersama pelajar PhD; **ATAU**
- iii. satu (1) buku karya ilmiah asli (dalam bidang) terbitan MAPIM yang diperakukan oleh Pusat Pengajian sebagai Penulis Utama/Kedua; **ATAU**
- iv. tiga (3) hasil penerbitan dalam jurnal SCOPUS/ WOS sebagai Penulis Bersama; **ATAU**
- v. hasil penerbitan dengan bilangan h-indeks SCOPUS telah melebihi tiga (3).

*\* Tidak termasuk lantikan Guru Bahasa / Katering*

- 6. Telah mencapai markah **penilaian prestasi tahunan** seperti berikut:
  - i. seseorang staf yang sedang berkhidmat kemudian menjawat jawatan baru dan telah genap 12 bulan perkhidmatan perlu mencapai markah penilaian prestasi sekurang-kurangnya 90%; **ATAU**
  - ii. seseorang staf lantikan baru perlu berkhidmat lebih daripada 12 bulan mempunyai dua (2) kali markah prestasi perlu mencapai purata markah prestasi sekurang-kurangnya 85%; **ATAU**
  - iii. seseorang staf yang mempunyai tiga (3) kali markah penilaian prestasi perlu mencapai peningkatan markah yang memuaskan untuk disahkan dalam perkhidmatan dan perlu mencapai purata markah prestasi sekurang-kurangnya 80%.
- 7. Telah membuat pengisytiharan harta pada setiap lima (5) tahun; **DAN**.
- 8. Telah mendapatkan perakuan oleh Ketua Jabatan untuk disahkan di dalam perkhidmatan.

## PELANJUTAN TEMPOH PERCUBAAN

Seseorang staf boleh diberi pelanjutan tempoh percubaan atas perkara-perkara berikut:

- i. Tidak dapat memenuhi Syarat Pengesahan Dalam Perkhidmatan Bagi Staf Akademik di atas; **DAN**
- ii. Terdapat aduan atau laporan mengenai pelanggaran tata tertib.

**Tempoh pelanjutan adalah seperti berikut:**

Tahun	Pelanjutan
Keempat (4)	Kali pertama selama satu (1) tahun
Kelima (5)	Kali kedua selama satu (1) tahun
Keenam (6)	Kali ketiga dan terakhir selama satu (1) tahun dengan berdenda iaitu tiada Kenaikan Gaji Tahunan (KGT)

Syarat-syarat pengesahan dalam perkhidmatan dan tempoh pelanjutan bagi staf akademik yang baharu adalah **berkuat kuasa mulai 1 Ogos 2024** membatalkan garis panduan dan syarat-syarat yang sedia ada.

### **Nota:**

- Syarat perlulah disediakan bermula daripada tarikh lantikan